

Bahren Shaari dilantik anggota Majlis Penasihat Presiden

KETUA Pegawai Eksekutif (CEO) Bank of Singapore, Encik Bahren Shaari dilantik sebagai anggota Majlis Penasihat Presiden (CPA) dalam satu upacara di Istana kelmarin.

Encik Bahren terpilih menganggotai majlis tersebut di samping dua individu lain; mantan Hakim Kanan, Encik Chao Hick Tin dan mantan pengarah pengurusan di Ernst & Young Advisory, Cik Mildred Tan-Sim Beng Mei.

Encik Bahren yang mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam sektor perbankan pernah dianugerahkan Anugerah Fellow Cemerlang Institut Perbankan dan Kewangan Singapura pada 2016 sebagai mengiktiraf kepimpinan cemerlang dan sumbangan ketaranya dalam industri kewangan.

Beliau juga pernah dilantik sebagai anggota Lembaga Pemegang Amanah Nasional Universiti Singapura (NUS) tahun lalu dan pernah menerima Pingat Bakti Masyarakat

pada 2008 dan Bintang Bakti Masyarakat pada 2018.

Dalam pada itu, Encik Chao menggantikan tempat mantan menteri kabinet Encik S. Dhanabalan yang telah menamatkan tempoh khidmat dalam majlis tersebut pada 1 Jun selepas lebih 18 tahun berkhidmat, menurut kenyataan yang dikeluarkan Istana semalam.

Selepas lebih 55 tahun menyumbang kepada sektor perkhidmatan awam, Encik Chao telah mengundurkan diri dari jawatan hakim kanan di Mahkamah Tinggi Rabu lalu.

Beliau merupakan satu-satunya hakim yang telah berkhidmat di bawah kesemua empat ketua hakim sejak Singapura merdeka dan telah memegang pelbagai jawatan perkhidmatan awam.

Encik Chao memulakan kerjayanya sebagai peguam negara di Pejabat Peguam Negara (AGC) pada 1967 dan telah dilantik Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi pada

1987.

Beliau dilantik hakim Mahkamah Rayuan pada 1999 dan kemudian dilantik sebagai naib presiden mahkamah tersebut hingga 2017.

Encik Chao kemudian memegang peranan hakim kanan Mahkamah Tinggi pada 2018.

Sementara itu, Cik Tan memegang pelbagai portfolio di Ernst & Young Advisory dan telah dilantik menganggotai (Lembaga) Majlis Pentadbir Ernst & Young Asia Pasifik antara 2011 dengan 2017.

Beliau bersara dari syarikat tersebut pada 2018.

Cik Tan juga pernah menerima Pingat Bakti Masyarakat pada 2007 dan Bintang Bakti Masyarakat pada 2014 sebagai pengiktirafan khidmatnya kepada masyarakat.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Anggota Parlimen Dilantik (NMP) antara 2009 dengan 2011.



PERLANTIKAN ANGGOTA CPA: Encik Bahren (*kanan*) dilantik sebagai salah seorang anggota Majlis Penasihat Presiden (CPA) dalam satu majlis bersama Presiden Halimah Yacob di Istana. – Foto BH oleh CHONG JUN LIANG